



Asia's Preferred Logistics Hub

MEMBINA KETAHANAN DEMI KELESTARIAN

BUILDING RESILIENCE, ENSURING SUSTAINABILITY

Laporan Tahunan 2020 • Lembaga Pelabuhan Kelang
Annual Report 2020 • Port Klang Authority



KANDUNGAN CONTENT

- | | | | |
|----|---|----|--|
| 02 | VISI, MISI & NILAI-NILAI TERAS
<i>VISION, MISSION & CORE VALUES</i> | 23 | PETUNJUK UTAMA KEWANGAN LPK
<i>FINANCIAL HIGHLIGHTS OF PKA</i> |
| 03 | SELAMAT DATANG KE PELABUHAN KLANG
<i>WELCOME TO PORT KLANG</i> | 25 | ULASAN PENGURUS BESAR
<i>GENERAL MANAGER'S REVIEW</i> |
| 07 | PROFIL KORPORAT LPK
<i>PKA CORPORATE PROFILE</i> | 37 | LAPORAN PEMBANGUNAN KHAS
<i>SPECIAL DEVELOPMENT REPORT</i> |
| 09 | JEMAAH LEMBAGA
<i>BOARD OF DIRECTORS</i> | 41 | KAD LAPORAN PELABUHAN KLANG
<i>PORT KLANG REPORT CARD</i> |
| 11 | PENGURUSAN KANAN
<i>SENIOR MANAGEMENT</i> | 43 | GAMBAR SEPANJANG TAHUN
<i>THE YEAR IN PICTURES</i> |
| 13 | CARTA ORGANISASI
<i>ORGANISATION CHART</i> | 47 | PENYATA KEWANGAN LPK
<i>FINANCIAL STATEMENTS PKA</i> |
| 14 | JAWATANKUASA AUDIT LPK
<i>PKA AUDIT COMMITTEE</i> | 81 | LAPORAN PELABUHAN MELAKA
<i>PORT OF MALACCA REPORT</i> |
| 15 | JAWATANKUASA PERUNDING PELABUHAN
<i>PORT CONSULTATIVE COMMITTEE</i> | 89 | PENYATA KEWANGAN LPM
<i>FINANCIAL STATEMENTS MPA</i> |
| 17 | ULASAN PENERUSI
<i>CHAIRMAN'S REVIEW</i> | | |

RASIONAL MUKA HADAPAN COVER RATIONALE



Gambaran tangan yang digenggam dan pelabuhan melambangkan hubungan kerjasama di antara pihak berkepentingan dalam membangun ketahanan serta memastikan kelestarian, yang dilakarkan melalui dua elemen semula jadi iaitu rama-rama dan langit biru.

The montage of clasped hands and the port symbolises the partnership of stakeholders in building resilience to ensure sustainability, which is represented by the two nature elements of butterflies and blue skies.

VISI, MISI & NILAI-NILAI TERAS

VISION, MISSION & CORE VALUES

VISI / VISION

Pelabuhan Klang sebagai Pusat Muatan Negara di samping menjadikannya sebagai Hab Logistik Pilihan di Rantau Asia.


Port Klang as the National Load Centre Whilst Developing it as the Preferred Logistics Hub for the Asian Region.

MISI / MISSION

- ▶ Menyediakan standard tertinggi bagi keselamatan kargo, sekuriti dan tenaga kerja serta selamat bagi persinggahan kapal.
Provide the highest standards of cargo safety, security and workforce whilst ensuring a safe haven for ships.
- ▶ Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang kos efektif melalui perkhidmatan pelabuhan bertaraf antarabangsa.
Provide cost-effective services through port performance of international standards.
- ▶ Menyediakan prasarana perdagangan yang kondusif kepada pengguna bagi meningkatkan daya saing di pasaran dunia.
Provide a conducive commercial environment for traders to have a competitive edge in the world market.
- ▶ Memastikan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan yang mampan dan sentiasa melebihi permintaan.
To ensure supply-driven and environmentally sustainable port infrastructure facilities and services.

NILAI-NILAI TERAS / CORE VALUES

- ▶ **PELANGGAN**
CUSTOMERS Memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan.
Meeting customers' needs and expectations.
- ▶ **MASYARAKAT**
PEOPLE Menghormati, menghargai dan mengambil berat antara satu sama lain dalam mengejar kecemerlangan.
Respect, value and care for one another in pursuit of excellence.
- ▶ **KECEMERLANGAN**
EXCELLENCE Berusaha bagi memperolehi keputusan terbaik setiap masa.
Striving for the best results at all times.
- ▶ **KOMUNITI DAN ALAM SEKITAR**
COMMUNITY AND ENVIRONMENT Mengambil berat terhadap komuniti dan kehijauan alam sekitar.
Caring for the community and greening the environment.



SELAMAT DATANG KE PELABUHAN KLANG WELCOME TO PORT KLANG

Sebagai Pelabuhan Utama dan Pusat Muatan Negara, Pelabuhan Klang berperanan sebagai Gerbang Maritim dan Hab Logistik Serantau. Beroperasi 24 jam sehari dari lokasi strategik di Selat Melaka, kami mengendalikan lebih daripada 50% aliran trafik laut Malaysia.

As Malaysia's Premiere Port and National Load Centre, Port Klang plays a pivotal role as the national Maritime Gateway and Regional Logistics Hub. Operating 24-hours a day from our strategic location in the Straits of Malacca, we handle over 50% of all Malaysian seaborne traffic.


RANGKAIAN LUAR BIASA / EXCELLENT CONNECTIVITY



Pelabuhan Klang yang terletak di kawasan komersial dan perindustrian di Lembah Klang yang pesat membangun serta berdekatan dengan ibu negara, Kuala Lumpur, dihubungkan dengan lebuh raya, landasan kereta api dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur memberikan kelebihan strategik dalam peranannya sebagai pintu masuk maritim utama negara untuk perdagangan domestik dan antarabangsa.

Ia bukan sahaja memberi akses terbaik kepada pangkalan kargo tempatan, tetapi turut menyediakan pelbagai pilihan kepada pengusaha logistik untuk memindahkan kargo keluar dan masuk dari Pelabuhan Klang. Di samping itu, kedudukan Pelabuhan Klang yang strategik dan terletak di sepanjang laluan yang menghubungkan kepada lebih 350 pelabuhan merentasi 130 negara dan 6 benua menempatkannya di persada antarabangsa. Pelabuhan Klang juga adalah sebuah pelabuhan persinggahan yang pertama bagi kapal-kapal yang menuju ke arah barat.

Port Klang's location in the commercial and industrial heartland of the highly developed Klang Valley, its proximity to Kuala Lumpur, the federal capital, as well as excellent connectivity via highways, rail and the Kuala Lumpur International Airport gives it an unparalleled strategic advantage in its role as the nation's premier maritime gateway for domestic and international trade.

This not only gives us excellent access to a strong indigenous cargo base, but provides logistics players with an array of choices for moving cargo to and from Port Klang. In addition, our prime geographical location, along the world's busiest sea-lane and our links to over 350 ports across 130 countries and 6 continents, positions us as a major regional hub with excellent connectivity to international market places. It also makes Port Klang the first port of call for eastbound ships and the last port of call for westbound ships on the Asia-Europe route.





KECEKAPAN TEKNOLOGI / TECHNOLOGY & EFFICIENCY

Pelabuhan Klang merupakan sebuah pelabuhan yang cekap yang menggunakan teknologi maklumat dalam pelbagai aspek operasi. Sistem Pengurusan Trafik Kapal (VTMS) memastikan keselamatan pelayaran di perairan pelabuhan. Manakala, Port Klang Community System menghubungkan semua sistem teknologi maklumat di pelabuhan secara menyeluruh bagi membolehkan maklumat dapat diakses dengan cepat dan mudah serta memudahkan perdagangan.

Di bawah naungan LPK, dua terminal swasta Northport (Malaysia) Bhd dan Westports Malaysia Sdn Bhd, termasuk anak syarikat LPK iaitu Port Klang Free Zone telah berkembang dan menjadi semakin kukuh. Kini, kami turut berazam untuk menjadikan ia sebagai Hab Logistik Pilihan dan Pintu Masuk Perdagangan utama di rantau ini.

Port Klang's outstanding efficiency is a result of its commitment to utilise information technology in various aspects of operations. The Vessel Traffic Management System (VTMS) ensures the highest degree of navigational safety in port waters. The Port Klang Community System links all of the port's IT systems and enables quick and easy access to information on port operations, navigation, communication and trade facilitation.

Under PKA's auspices, two privately-owned terminals - Northport (Malaysia) Bhd and Westports Malaysia Sdn Bhd, as well as the Port Klang Free Zone, a PKA subsidiary company, has grown from strength to strength. Currently, Port Klang is poised to become the region's most Preferred Logistics Hub and Trading Gateway.




PELABUHAN
PORTS




NEGARA
COUNTRIES




SYARIKAT PERKAPALAN UTAMA
MAIN LINE OPERATORS






13.24
Million TEUs

JUMLAH KENDALIAN 2020
TOTAL THROUGHPUT
IN 2020



19.6 JUTA TEU
KAPASITI TAHUNAN
19.6 MIL TEU
ANNUAL CAPACITY



ALUR PELAYARAN DENGAN
KEDALAMAN 18 METER
DEEPER ACCESS PORT
CHANNEL 18M DRAFT




KEDUDUKAN YANG
STRATEGIK
STRATEGICALLY
POSITIONED



35 PERGERAKAN
PURATA PER JAM
35 MOVES
PER HOUR AVERAGE



MENGENDALIKAN LEBIH
50% KARGO NEGARA
HANDLE MORE THAN
50% NATION'S CARGO



KREN LIF BERKEMBAR
DENGAN JANGKAUAN 67M
TWIN LIFT QUAY CRANES
67M OUTREACH

PELABUHAN PELBAGAI GUNA / *MULTIPURPOSE PORT*



KONTENA
CONTAINER



PUKAL CECAIR
LIQUID BULK



PUKAL PECAH
BREAK BULK



PUKAL KERING
DRY BULK



PELBAGAI GUNA / RO-RO
MULTIPURPOSE / RO-RO



LEMBAGA PELABUHAN KELANG / PORT KLANG AUTHORITY

Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963 untuk mengambil alih pentadbiran Pelabuhan Klang daripada Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1983, fungsi, kuasa, peranan dan bidang kuasa LPK telah dipanjangkan kepada Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka. Sejak penswastaaan, terdapat lima fungsi utama LPK seperti berikut:

- ▶ Pemudah cara perdagangan
- ▶ Perancangan dan pembangunan pelabuhan
- ▶ Kawal selia perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diswastakan
- ▶ Pihak Berkuasa Zon Bebas
- ▶ Pengurusan aset

Ini membolehkan pelabuhan-pelabuhan tersebut untuk mencapai tahap baharu dari segi produktiviti dan prestasi. Kini, LPK terus membantu pelabuhan-pelabuhan di bawah pentadbirannya untuk berkembang maju demi memenuhi permintaan dan menghadapi cabaran abad ke-21.

Established in 1963 as a statutory corporation, Port Klang Authority (PKA) was entrusted with the task of taking over the administration of the port from the Malayan Railway. In 1983, PKA's functions, powers, duties and jurisdictions were extended to the Port of Malacca in Tanjung Bruas. Since privatisation, PKA has assumed five core functions:

- ▶ Trade facilitation
- ▶ Port planning and development
- ▶ Regulatory oversight of privatised facilities and services
- ▶ Free Zone Authority
- ▶ Asset management

This has enabled the port to scale new heights and chart numerous achievements in productivity and performance. Today, PKA continues to assist the terminals under its administration to move forward and grow, in order to face 21st century demands and challenges.

PEMANGKIN UTAMA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELABUHAN / *A DYNAMIC PLAYER IN PORT DEVELOPMENT AND MANAGEMENT*

Sejak penswastaaan terminal kontena Pelabuhan Klang pada tahun 1986, LPK telah memacu perubahan dinamik dalam pembangunan pengurusan dan pelabuhan. Strategi LPK pasca penswastaaan telah membuka jalan bukan sahaja untuk pengurusan aset pelabuhan yang lebih baik tetapi juga untuk melancarkan pelbagai proses yang meningkatkan produktiviti ke peringkat bertaraf dunia. Pelabuhan Klang kini menduduki tempat ke-12 sebagai pelabuhan kontena tersibuk di dunia jelas membuktikan kemajuannya saban tahun. Sasaran kini adalah untuk menjadikan Pelabuhan Klang antara 10 pelabuhan kontena teratas dunia memandangkan LPK dalam usaha mencapai dalam misinya untuk membangunkan Pelabuhan Klang menjadi hab maritim serantau.

LPK menerajui banyak pembangunan kemudahan pelabuhan pertama negara, iaitu pelabuhan dalam bandar pertama Malaysia (Ipoh Cargo Terminal), pusat pengedaran pertama (Port Klang Distribution Park) dan zon bebas pertama untuk mengintegrasikan kegiatan pembuatan dan komersial (Port Klang Free Zone). Ia juga berperanan dalam pelaksanaan pelbagai program transformasi untuk memudahkan perdagangan iaitu Jabatan Pusat Sehenti, status zon perdagangan bebas untuk keseluruhan pelabuhan, perkhidmatan bunkering dan perkhidmatan sampingan pelabuhan, Vessel Traffic Management System dan penubuhan Port Klang Community System.

Since the privatisation of Port Klang's container terminal in 1986, PKA has forged a new dynamic trend in port development and management. PKA's strategies post-privatisation paved the way not only for improved management of port assets but also in the streamlining of various processes that has uplifted productivity to world class levels. That Port Klang is now ranked as the 12th busiest container port in the world is evident of its progress over the years. The target now is for Port Klang to be among the Top 10 container ports of the world as PKA move forward on its mission to transform Port Klang into a regional maritime hub.

PKA spearheaded many of the country's firsts in the development of port facilities, namely, Malaysia's first inland port (Ipoh Cargo Terminal), the first distripark (Port Klang Distribution Park) and the first free zone to integrate manufacturing and commercial activities (Port Klang Free Zone). It was also instrumental in the implementation of a variety of transformation programmes to facilitate trade, namely, the One-Stop Agency, free commercial zone status for the entire port, bunkering and ancillary services, Vessel Traffic Management System and the establishment of the Port Klang Community System.

FUNGSI LPK / PKA CORE FUNCTIONS

PENGURUSAN ASET
ASSET MANAGEMENT



PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN
PORT PLANNING AND DEVELOPMENT



PEMUDAH CARA PERDAGANGAN
TRADE FACILITATION



PIHAK BERKUASA ZON BEBAS
FREE ZONE AUTHORITY



**KAWAL SELIA PERKHIDMATAN DAN
KEMUDAHAN YANG DISWASTAKAN**
REGULATORY OVERSIGHT OF
PRIVATISED FACILITIES AND SERVICES

JEMAAH LEMBAGA

BOARD OF DIRECTORS



1 DATUK CHONG SIN WOON
Pengerusi / *Chairman*

Dilantik / *Appointed*
18.04.2020

2 CAPT. K. SUBRAMANIAM
Pengurus Besar /
General Manager

3 DATUK ISHAM BIN ISHAK
Kementerian Pengangkutan
Malaysia /
*Representative of Ministry of
Transport Malaysia*

4 DATO' MOHD AMIN
BIN AHMAD AHYA
Wakil Kerajaan Negeri Selangor /
Representative of Selangor State

Tamat tempoh lantikan /
Term ended
08.11.2020

5 ROSANIZI BINTI AHMAD
Wakil Kementerian
Kewangan Malaysia /
*Representative of Ministry of
Finance Malaysia*



6 **DATUK NG CHOK SIN**
Wakil Bebas /
Independent Representative

Dilantik / Appointed
09.07.2020

7 **DATO' LOO KOOI THIAM**
Wakil Bebas /
Independent Representative

Dilantik / Appointed
09.07.2020

8 **HAJI MOHD ROSLEE
BIN ABD. HAMID**
Wakil Bebas /
Independent Representative

Dilantik / Appointed
09.07.2020

9 **MURUGAVELU
A/L SUBRAMANIAM**
Wakil Bebas /
Independent Representative

Dilantik / Appointed
09.07.2020

10 **MOHAMAD SHAKIRIEN
BIN DATO' ABD RAZAK**
Wakil Bebas /
Independent Representative

Dilantik / Appointed
09.07.2020

PENGURUSAN KANAN

SENIOR MANAGEMENT



1 CAPT. K. SUBRAMANIAM
Pengurus Besar /
General Manager

2 AZURA BINTI MUHAMAD
Penolong Pengurus Besar
(Pentadbiran & Kewangan) /
*Assistant General Manager
(Administration & Finance)*

3 SHAIFUL NAZRI BIN SHAARI
Pemangku Penolong
Pengurus Besar (Kejuruteraan) /
*Acting Assistant
General Manager (Engineering)*

4 CAPT. KAMAL ARIFFIN
BIN IDRIS
Pemangku Penolong Pengurus
Besar (Operasi & Kawal Selia) /
*Acting Assistant General
Manager (Operations &
Regulatory)*

5 VIJAYAINDIARAN R.
VISWALINGAM
Pemangku Penolong Pengurus
Besar (Korporat &
Pembangunan) /
*Acting Assistant General
Manager (Corporate &
Development)*

6 AHMAD RIZAL BIN MOHD
YUSOP
Pengurus Kanan (Zon Bebas) /
Senior Manager (Free Zone)

7 FAZILAH SURKISAH BINTI
MOHAMMAD
Penasihat Undang-Undang /
Legal Advisor

8 SRI MUHUNAN RAJA
RETNAM
Pengurus Kanan
(Pengurusan Hartanah) /
*Senior Manager
(Property Management)*

9 ADNAN BIN ABIDIN
Pengurus Kanan (Kewangan) /
Senior Manager (Finance)

10 MOHD. DZULCARNAEN
BIN MUSA
Pengurus Kanan
(Sumber Manusia) /
*Senior Manager
(Human Resources)*

11 SUHAIRI BIN NORDIN
Pemangku Pengurus Kanan
(Kejuruteraan) /
*Acting Senior Manager
(Engineering)*



12 **NORAIDAH BINTI MOHD. SAID**
Pengurus (Teknologi Maklumat) /
Manager (Information Technology)
Bersara wajib / Retired
29.01.2021

13 **SHANTI T. GUNARATNAM**
Pengurus (Komunikasi Korporat) /
Manager (Corporate Communications)

14 **KUMARESEN SILVARAJOO**
Pengurus (Pusat Sehati) /
Manager (One Stop Centre)

15 **NUBHAN BIN BASARUDIN**
Pengurus (Dagangan Berbahaya) /
Manager (Dangerous Goods)

16 **MUHAMAD BIN BHAUDDIN**
Pengurus (Bomba) /
Manager (Fire Services)

17 **SUPT. LEE WAI LEONG**
Pengurus (Keselamatan) /
Manager (Security Services)

18 **MOHD. SHAH NAS BIN MOHD. FAWZI**
Pengurus (Penswastaan & Pelaburan) /
Manager (Privatisation & Investment)

19 **NOOR AKMAL BIN KAMARUDIN**
Pengurus (Auditan) /
Manager (Internal Audit)

20 **MOHD BAKRI BIN ABDULLAH**
Pengurus (Khidmat Pengurusan & Perolehan) /
Manager (Management Services & Procurement)
Bersara wajib / Retired
02.03.2021

TIADA DALAM GAMBAR / NOT IN PICTURE

WAN SITI FATIMAH BINTI WAN AHMAD
(Menanggung) Pengurus Kanan (Perancangan & Pembangunan) /
(Covering) Senior Manager (Planning & Development)


CAPT. AZMI BIN MAARIS
(Menanggung) Pengurus (Gerakan Marin) /
(Covering) Manager (Marine Operations)

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART

Pengurusan Tertinggi LPK bertanggungjawab menyelia semua bahagian dan jabatan di dalam melaksanakan pelbagai tugas di LPK seperti yang digambarkan di bawah:

The Top Management team oversees all the divisions and departments that are directly responsible for carrying out PKA's various responsibilities, as illustrated below:



JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PELABUHAN KELANG [JKA LPK] PORT KLANG AUTHORITY AUDIT COMMITTEE

Bagi membantu Ahli Jemaah Lembaga dalam menyediakan laporan kajian serta menilai perkara-perkara berkaitan pengauditan. Jawatankuasa Audit Lembaga Pelabuhan Kelang (JKA LPK) telah ditubuhkan pada Disember 1997 dan bertanggungjawab mengkaji rancangan pengauditan, polisi dan prosedur dalaman serta keberkesanan sistem kawalan dalaman selaras dengan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

Jawatankuasa Audit LPK dianggotai oleh tiga (3) orang Ahli Jemaah Lembaga Pelabuhan Kelang, seorang wakil daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia, seorang wakil Pengurusan LPK dan Jabatan Audit Dalam LPK sebagai setiausaha/urus setia.

To assist the Board of Directors to report, review and evaluate auditing matters. The Audit Committee (AC) was established in December 1997 to review the audit plan, internal policies and procedures and effective internal control system in compliance with laws and regulations in accordance with the requirements of General Circular No. 3, 1998.

Port Klang Authority's Audit Committee comprises three Board Members from the Authority, a representative each from the Ministry of Transport Malaysia and the management, with the Internal Audit Department as the secretary/secretariat.

SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA / COMMITTEE MEMBERSHIP LIST

Pengerusi / Chairman

DATUK NG CHOK SIN

Ahli Jemaah Lembaga LPK
Board of Director, PKA

Dilantik / *Appointed*
11.11.2020

Wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia / Representative of Ministry of Transport Malaysia

SUHAIMI BIN ALI

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Under Secretary Administration and Finance Division

Dilantik / *Appointed*
02.08.2016

Ahli / Member

MURUGAVELU A/L SUBRAMANIAM

Ahli Jemaah Lembaga LPK
Board of Director, PKA

Dilantik / *Appointed*
11.11.2020

MOHAMAD SHAKIRIEN BIN DATO' ABD RAZAK

Ahli Jemaah Lembaga LPK
Board of Director, PKA

Dilantik / *Appointed*
11.11.2020

Wakil Pengurusan LPK / PKA Management Representative

Pengurus Besar, LPK / Wakil
General Manager, PKA / Representative

Setiausaha / Secretary

Pengurus (Auditan), LPK
Manager (Internal Audit), PKA

Urus Setia / Secretariat

Jabatan Audit Dalam, LPK
Internal Audit Department, PKA

JAWATANKUASA PERUNDING PELABUHAN PORT CONSULTATIVE COMMITTEE

Jabatan Pusat Sehati bertanggungjawab sebagai perantara antara pengguna-pengguna pelabuhan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Pusat Sehati untuk menjadi pemudah cara kepada komuniti logistik Pelabuhan Klang di dalam usaha menambahaik kecekapan pelabuhan dan meningkatkan pengendalian kargo di Pelabuhan Klang di samping menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan industri logistik yang boleh memberi kesan kepada industri pelabuhan.

The PKA one-stop centre (OSC) serves as an intermediary between port users and various government agencies involved in port operations in order to help improve port efficiency and grow cargo volume in Port Klang. The OSC facilitates in resolving issues in the logistics industry which may arise from time to time.



Jabatan Pusat Sehati telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Pelabuhan Klang Tahun 2020 sebanyak 2 kali iaitu pada 23 Julai 2020 bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Kelang dan pada 23 Disember 2020 secara dalam talian. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua pihak berkepentingan yang dilantik oleh YB Menteri Pengangkutan Malaysia.

Jawatankuasa Perunding Pelabuhan telah membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan pelabuhan terutama yang melibatkan perkara-perkara seperti perubahan besar ke atas tarif, perancangan yang melibatkan pembesaran dan pembangunan pelabuhan berskala besar dan juga perkara-perkara yang berkaitan industri Logistik.

In 2020, the OSC organised two Port Klang Consultative Committee (PCC) meetings, on 23 July and 23 December respectively, at the PKA headquarters. The meetings were attended by all stakeholders appointed by the Minister of Transport Malaysia.

The PCC discussed various matters related to the port such as major increase in port tariffs, port expansion plans and any other matters related to the logistics industry.

Berikut adalah Ahli-Ahli Jawatankuasa Perunding Pelabuhan Pelabuhan Klang Sesi 2020/2021:
The following are the PCC members for 2020-2021:

- 1** Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan / Wakil
Secretary General, Ministry of Transport / Representative
- 2** Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri / Wakil
Secretary General, Ministry of International Trade & Industry / Representative
- 3** Pengarah, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Selangor / Wakil
Director, Royal Malaysian Customs Department Selangor / Representative
- 4** Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor / Wakil
Director, Public Works Department Selangor / Representative
- 5** Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Klang / Wakil
Klang Municipal Council President / Representative
- 6** Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor / Wakil
Director, Economic Planning Unit (UPEN) Selangor / Representative
- 7** Ketua Pegawai Eksekutif, Northport (Malaysia) Berhad / Wakil
CEO, Northport (Malaysia) Berhad / Representative
- 8** Ketua Pegawai Eksekutif, Westports Malaysia Sdn Bhd / Wakil
CEO, Westports Malaysia Sdn Bhd / Representative
- 9** Ketua Pegawai Eksekutif, Port Klang Free Zone Sdn Bhd / Wakil
CEO, Port Klang Free Zone Sdn Bhd / Representative
- 10** Presiden, Keretapi Tanah Melayu Berhad / Wakil
President, Keretapi Tanah Melayu Berhad / Representative
- 11** Presiden, Persatuan Perkapalan Malaysia / Wakil
President, Shipping Association of Malaysia (SAM) / Representative
- 12** Pengerusi, Persatuan Pemilik Kapal Malaysia / Wakil
Chairman, Malaysian Shipowners' Association (MASA) / Representative
- 13** Presiden, Persatuan Perkapalan Wilayah Tengah / Wakil
President, Central Region Shipping Association (CRSA) / Representative
- 14** Presiden, Persatuan Ejen-Ejen Penghantaran & Logistik Selangor / Wakil
President, Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA) / Representative
- 15** Presiden, Persatuan Perkhidmatan Penghantaran Malaysia / Wakil
President, Malaysia Association of Freight Forwarders (MAFFA) / Representative
- 16** Presiden, Persatuan Haulier Malaysia / Wakil
President, Association of Malaysian Hauliers (AMH) / Representative
- 17** Pengerusi, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, Cawangan Selangor / Wakil
Chairman, Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Selangor Branch / Representative
- 18** Presiden, Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia / Wakil
President, Malaysian International Chamber of Commerce & Industry (MICCI) / Representative
- 19** Presiden, Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia / Wakil
President, The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) / Representative
- 20** Presiden, Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia / Wakil
President, SME Association of Malaysia / Representative

ULASAN PENERUSI

CHAIRMAN'S REVIEW

“

Ekonomi global berkembang pesat. Pandemi yang berlaku telah merubah keadaan dengan cepat. COVID-19 telah menunjukkan kepentingan untuk sentiasa seiring dengan arus perubahan dalam ekonomi global, terutama perkembangan ekonomi digital, dan keperluan untuk membangun daya tahan dengan mengadaptasi teknologi baru dan digitalisasi.

DATUK CHONG SIN WOON
PENERUSI

”





ULASAN PENERUSI

Dalam Global Economic Prospects edisi Jun 2020, kesan COVID-19 ditakrifkan seperti berikut: "COVID-19 telah mencetuskan krisis global baharu- krisis kesihatan sedunia yang mengorbankan sebilangan besar nyawa manusia, menjurus ke arah kemelesetan global terburuk sejak Perang Dunia Kedua."

Krisis COVID-19 yang belum pernah terjadi sebelum ini masih menyelubungi dunia dengan penuh rasa ketidakpastian dan ketakutan. Pandemik ini telah mencetuskan cabaran kesihatan yang teruk yang mengakibatkan gangguan rantaian bekalan global dan mempengaruhi kehidupan perniagaan, pekerjaan dan sosial. Selain itu, Tabung Kewangan Antarabangsa telah meramalkan penurunan pertumbuhan ekonomi global sebanyak 4.9% untuk tahun 2020 walaupun terdapat keyakinan optimis untuk pemulihan global sebanyak 6% pada tahun 2021 selepas pemberian vaksin COVID-19. Di Malaysia, Bank Negara telah meramalkan pertumbuhan berada pada julat yang lebih rendah antara 6% dan 7.5% untuk tahun 2021."

Disamping itu, Pelabuhan Klang dijangka mencatatkan penurunan yang banyak dari segi jumlah kendalian. Namun begitu, jumlah penurunan kendalian yang berlaku tidaklah secepat yang dijangka, dengan catatan penurunan sebanyak 2.5% dari segi kendalian kontena kepada 13.24 juta TEU setahun.

Pelabuhan dan operasi logistik, yang dianggap sebagai perkhidmatan penting, terus beroperasi bagi memastikan pergerakan penghantaran barang keperluan tidak terjejas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama kali dilaksanakan pada bulan Mac 2020. Pelbagai langkah dilakukan bagi melindungi kesihatan orang awam dengan memperkenalkan prosedur yang dikemaskini bagi meminimumkan kesan terhadap operasi. Walaupun sekatan PKP telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada operasi seperti berlakunya kesesakan di kawasan pelabuhan, namun, LPK dengan kerjasama Westports, Northport dan semua pihak berkepentingan, isu ini telah dapat diselesaikan dengan segera.

Selain itu, untuk mengurangkan beban kewangan akibat pandemik kepada pengguna pelabuhan, LPK telah memperkenalkan pakej bantuan yang menawarkan pengecualian dan potongan kadar sewa dan caj pelabuhan untuk syarikat-syarikat perkapalan serta pengguna jeti persendirian. Di antara inisiatif lain termasuklah lanjutan tempoh penyimpanan percuma di terminal. Operator- operator terminal juga menawarkan pengecualian ke atas caj simpanan dan pengalihan barang-barang bukan keperluan yang terdapat di premis mereka.

LPK menghargai semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh terminal-terminal, pemain logistik dan pihak berkepentingan lain dari komuniti pelabuhan dalam memastikan keadaan semasa dapat dikendalikan dengan berkesan, dengan gangguan yang minimum pada operasi keseluruhan.

Ketidakpastian menjadikan keadaan lebih mencabar pada masa akan datang. COVID -19 adalah krisis yang telah meninggalkan kesan kepada setiap orang. Pelabuhan Klang bukan hanya perlu beroperasi dalam norma baharu tetapi juga perlu cepat mengadaptasi dengan keadaan. Adalah penting untuk kita belajar sesuatu dari keadaan pandemik yang berlaku, mengkaji serta merancang persediaan untuk bertahan dalam keadaan krisis yang lebih mencabar pada masa hadapan. COVID-19 telah memberi cabaran baharu kepada pelabuhan- pelabuhan di seluruh dunia dan situasi seperti ini memerlukan pemikiran di luar kotak bagi mencari jalan penyelesaian. Kami akan mengkaji dan menilai keperluan baru dalam persediaan operasi untuk membina daya tahan yang lebih mampan.

Pandemik ini telah memberi pengajaran berharga dalam menangani kejutan dan gangguan pada rantaian bekalan maritim. Syarikat-syarikat perkapalan, pelabuhan dan pemain-pemain logistik serta pihak berkepentingan yang lain perlu menyesuaikan diri dengan 'normal baru' dalam menjalankan perniagaan untuk mengurangkan kesan dan risiko wabak tersebut. Pengalaman yang diperoleh akan membantu dalam proses membuat polisi dan keputusan bagi memastikan kesinambungan perniagaan, meningkatkan pengurusan risiko dan membangun ketahanan ke arah mewujudkan pelabuhan dan rantaian bekalan maritim yang mampan secara keseluruhan ketika berdepan rintangan.

Ekonomi global berkembang amat pesat. Pandemik yang berlaku telah mempercepat momentum perubahan. COVID-19 telah membuktikan betapa pentingnya untuk mengikuti perubahan di dalam ekonomi global, terutama perkembangan ekonomi digital, dan keperluan untuk membina ketahanan dengan mengadaptasi teknologi baharu dan digitalisasi. Cabaran yang dihadapi sekarang adalah bagaimana untuk menjadikan Pelabuhan Klang lebih pintar, lebih tangkas dan mudah disesuaikan dengan apa jua keadaan dan cabaran pada masa akan datang.



Penghargaan

Walaupun masih berdepan dengan risiko penurunan, tetapi saya yakin dengan kerjasama semua pihak berkepentingan, LPK lebih mampu menangani ketidakpastian dengan terus memastikan pembangunan Pelabuhan Klang yang lebih berdaya tahan dan mampan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama semua pihak berkepentingan dalam komuniti Pelabuhan Klang termasuk operator-operator terminal, komuniti pengangkutan dan logistik, penyedia perkhidmatan lain dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelabuhan kerana membantu menangani cabaran yang dihadapi pelabuhan sepanjang tahun. Semangat berpasukan, kecekapan dan kemampuan untuk menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan adalah penting bagi kita menjalani hari hari mendatang.

Akhir sekali, terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan saya di Lembaga Pengarah LPK, pihak pengurusan dan kakitangan di atas komitmen mereka dalam memastikan Pelabuhan Klang terus maju walaupun berdepan dengan cabaran yang hebat pada waktu pandemik ini. Sama-sama kita berusaha mengatasi segala kemungkinan yang mendatang.



“

The global economy is evolving fast. The pandemic has simply accelerated the momentum of change. COVID-19 has brought into sharp focus the importance of keeping pace with the changes that are occurring in the global economy, particularly developments in the digital economy, and the need to build resilience by adopting new technologies and digitalisation.

”

DATUK CHONG SIN WOON
CHAIRMAN

CHAIRMAN'S REVIEW

In the June 2020 edition of the Global Economic Prospects, the impact of COVID-19 was described thus: "COVID-19 has triggered a global crisis like no other – a global health crisis that, in addition to an enormous human toll, is leading to the deepest global recession since the Second World War."

The unprecedented COVID-19 crisis still shrouds the world in uncertainty and fear. The pandemic has caused severe health challenges which cascaded down to disruption of the global supply chain and impacted business, work and social life. Against such a backdrop, the International Monetary Fund has forecasted a 4.9% decline in global economic growth for 2020 though there is cautious optimism for a 6% global recovery in 2021 on the back of the COVID-19 vaccine roll-out. In Malaysia, Bank Negara has forecasted growth to be in the lower range of between 6% and 7.5% for 2021.

Against such a backdrop, expectations were for Port Klang to record a severe decline in throughput. Thankfully, the drop in throughput was not as acute as had been anticipated, with the port registering a 2.5% decline in container traffic year-on-year to 13.24 million TEU.

Ports and logistics operations, deemed as essential services, remained open to ensure the uninterrupted flow of essential goods when the movement control order (MCO) was first imposed in March 2020. Various measures to safeguard public health together with revised procedures to minimise the impact on operations were introduced. The MCO restrictions, however, affected port operations, with congestion at the wharfs and onshore, which to the credit of PKA, Westports and Northport in collaboration with all stakeholders, was expeditiously resolved.

Additionally, to mitigate the financial impact of the pandemic on port users, PKA introduced a financial relief package which offered exemptions and discounts on lease rentals and port dues for shipping lines as well as private jetty users. Other initiatives included an extension of the free storage period at the terminals. The terminal operators also offered waivers on storage and removal charges for non-essential goods stuck at their premises.

PKA is grateful for the team spirit shown by the terminals, logistics players and other stakeholders of the port community in ensuring that the situation was effectively managed, with minimal disruption to operations overall.

Uncertainty looms large and great challenges lie ahead. COVID -19 is a multi-front crisis that has affected everyone. Port Klang has not only to adjust to the new normal in operational requirements but also to adjust fast. It is imperative that we learn from the pandemic, review and chart the way ahead to ensure greater preparedness and resilience in future crises. COVID-19 has presented ports all over the world unprecedented challenges and such a situation demands out-of-the-box thinking. We will review and assess new requirements in operational set-ups to build resilience and ensure sustainability.

The pandemic has taught valuable lessons on responding to shocks and disruptions to the maritime supply chain. Shipping lines, ports and logistics players and relevant stakeholders need to adjust to a 'new normal' of doing business in order to mitigate the impact and risks of the pandemic. The experience gained will help to improve policy- and decision-making processes with the ultimate aim of ensuring business continuity, improving risk management and building resilience to future-proofing ports and the maritime supply chain as a whole against any disruption.

The global economy is evolving fast. The pandemic has simply accelerated the momentum of change. COVID-19 has brought into sharp focus the importance of keeping pace with the changes that are occurring in the global economy, particularly developments in the digital economy, and the need to build resilience by adopting new technologies and digitalisation. The challenge before us is about future-proofing port services if we are to survive the relentless change that is taking place. As for Port Klang, the challenge before us is about being smarter, more agile and adaptable to face the current and future challenges to come.





Appreciation




Downside risks still loom but I am confident that PKA, in partnership with all stakeholders, is more than capable of navigating through these uncertain times and to continue to build a resilient and sustainable Port Klang. To every stakeholder in the Port Klang community - the terminal operators, transport and logistics community, other services providers and port-related government agencies - I would like to extend my gratitude for your partnership with PKA in helping to manage the challenges that confronted the port during the year. We will need this team spirit, agility and adaptability to see us through in the years ahead.

Last but not least, my thanks to my colleagues on the PKA Board of Directors and the management and staff for their commitment in ensuring that Port Klang continues to thrive amidst the many challenges arising from the pandemic. Together we will surely prevail against all odds.




PETUNJUK UTAMA KEWANGAN LPK

FINANCIAL HIGHLIGHTS OF PKA




**Lebih / (Kurangan)
Selepas Cukai**
*Profit / (Loss)
After Taxation*



RM'000

2016	34,058
2017	64,290
2018	(126,904)
2019	(97,381)
2020	50,083


Aset Bersih
Net Assets




RM'000

2016	545,441
2017	609,731
2018	483,245
2019	385,864
2020	435,947

Lebih / (Kurangan) Selepas Cukai
Profit / (Loss) After Taxation



Aset Bersih
Net Assets



ULASAN PENGURUS BESAR

GENERAL MANAGER'S REVIEW



“

Pandemik ini turut memberi kesan kepada pengurusan operasi dan infrastruktur pelabuhan di seluruh dunia. LPK sedang menilai keadaan semasa untuk memastikan bahawa kita memiliki kemampuan dan kebolehan untuk menangani setiap cabaran yang dihadapi di kala pandemik secara efektif untuk membangun ketahanan dalam menghadapi krisis di masa depan.

The pandemic has highlighted vulnerabilities in the operational and infrastructural set-up of ports the world over. PKA is assessing the local situation to ensure that we have the capability and capacity to deal effectively with the challenges from the pandemic as well as to build resilience to meet future crises.

CAPT. K. SUBRAMANIAM
PENGURUS BESAR

”

ULASAN PENGURUS BESAR

Tindakbalas Terhadap Cabaran COVID-19

Pandemik COVID-19 tidak hanya meragut jutaan nyawa tetapi juga memberi kesan buruk terhadap kesejahteraan socio-ekonomi negara-negara di seluruh dunia. Ia juga telah menyebabkan kesan yang teruk pada ekonomi dunia, dengan gangguan dalam rantai bekalan global, penutupan perniagaan dan peningkatan pengangguran. Seperti pelabuhan di seluruh dunia, Pelabuhan Klang harus berdepan dengan cabaran pandemik ini. LPK bukan sahaja perlu memastikan pelabuhan dapat diuruskan dalam keadaan yang baik malah turut membantu dalam menyokong pengguna pelabuhan yang terkesan dengan wabak tersebut.

LPK bersama dengan 19 wakil pelabuhan-pelabuhan yang lain di dalam Port Authorities Roundtable (PAR) telah menandatangani Deklarasi Bersama untuk memastikan pelabuhan tetap beroperasi bagi memastikan gangguan minimum terhadap aktiviti perkapalan. Deklarasi ini juga bagi memastikan rantai bekalan global dan perdagangan maritim tidak terjejas, manakala kapal-kapal dagang dapat berlabuh di terminal untuk melakukan operasi kargo. Keanggotaan PAR, yang



terdiri daripada 20 pelabuhan terkemuka dari Asia, Timur Tengah, Eropah dan Amerika Utara, juga berjanji untuk memudahkan koordinasi dengan mewujudkan saluran komunikasi terbuka untuk berkongsi pengalaman dan maklumat dalam memerangi COVID-19 serta mengamalkan amalan terbaik seperti langkah-langkah untuk memastikan kesihatan anggota dan kru kapal serta keselamatan dalam aktiviti pengendalian kargo. Selain itu, turut diberi perhatian adalah isu pertukaran kru kapal di pelabuhan.

Sejak awal pandemik dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), LPK telah bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan agensi kerajaan yang lain bagi memastikan kepatuhan terhadap prosedur keselamatan dan kesihatan. LPK dengan kerjasama Northport, Westports dan Port Klang Free Zone (PKFZ) telah menjalankan ujian COVID-19 secara kerap terhadap semua warga kerja termasuk pekerja kontraktor swasta yang bekerja di dalam kawasan pelabuhan. Langkah-langkah bagi memastikan kesihatan orang ramai dan kelancaran operasi dilaksanakan dengan cepat di pelbagai kawasan perkhidmatan pelabuhan.

Pada suku ketiga tahun 2020, pelabuhan mengalami peningkatan kemasukan kapal dan lonjakan pada trafik kontena yang menyebabkan kesesakan di pelabuhan. Dengan tindak balas dan penyelesaian yang cepat, seperti menyegerakan pergerakan keluar kontena di yad simpanan, memastikan syarikat-syarikat perkapalan menggunakan lebih banyak kapal bagi memuatkan lebih banyak kontena eksport dan pindah kapal; memastikan para pemain logistik dan pengimport memperbanyakkan pelepasan kontena import dari terminal; serta memastikan pelepasan oleh kastam dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dilakukan segera, semua ini adalah di antara langkah penyelesaian bagi memastikan kelancaran operasi. Pengalaman ini merupakan sesuatu yang berguna bukan sahaja mempamerkan kepentingan kerjasama di antara pihak berkepentingan tetapi keperluan untuk bertindak dengan tangkas dan sesuai dengan keadaan krisis yang berlaku.

Untuk mengurangkan beban kewangan berikutan wabak tersebut kepada pengguna pelabuhan, LPK telah menawarkan pakej bantuan kewangan bernilai RM17.2 juta untuk membantu pihak-pihak yang terkesan. Bantuan tersebut yang diberikan mulai bulan Mac hingga Disember 2020, merangkumi pengecualian dan potongan antara 50% hingga 100% untuk penyewaan premis LPK; diskaun 20% untuk caj bayaran pantai untuk pengguna jeti persendirian; dan penangguhan sehingga 30% untuk pembayaran sewa dari bulan Julai hingga Disember untuk penyewa PKFZ. Westports dan Northport juga menawarkan pengecualian atas caj penyimpanan dan pengalihan kepada syarikat-syarikat perkapalan, pengeksport dan pengimport.

Pandemik ini nyata telah memberi kesan kepada operasi dan perancangan infrastruktur pelabuhan di seluruh dunia. LPK sedang menilai keadaan semasa bagi memastikan bahawa kita memiliki kemampuan dan kebolehan untuk menangani cabaran yang timbul berikutan wabak secara efektif dan juga membangun ketahanan untuk menghadapi krisis di masa depan. Walaupun pelabuhan membangun seiring dengan penggunaan teknologi dan digitalisasi selama beberapa tahun kebelakangan ini, namun, keadaan pandemik ini menunjukkan betapa pentingnya proses operasi pelabuhan dan logistik dilaksanakan dengan cepat.

Prestasi Pelabuhan

Seperti pelabuhan-pelabuhan lain di seluruh dunia, pandemik ini telah memberi impak kepada prestasi Pelabuhan Klang yang mencatatkan penurunan kendalian untuk pertama kalinya sejak 2017, sedikit berkurang dari yang dijangka. Pengendalian kontena susut 2.5% kepada 13.24 juta TEU pada tahun 2020 (2019: 13.58 juta) berbanding tahun sebelumnya. Westports mengendalikan 79.3% daripada jumlah kendalian keseluruhan 20.7% dikendalikan oleh Northport.

Penurunan jumlah kendalian sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan jumlah kendalian kontena transshipment yang susut 5.0% dari tahun sebelumnya kepada 8.1 juta TEU (2019: 8.5 juta TEU). Kendalian kontena transshipment (pindah kapal) adalah sebanyak 61.3% dari jumlah keseluruhan kendalian kontena pelabuhan untuk tahun ini. Jumlah kontena eksport, yang merangkumi 19.4% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2020, meningkat 3.2% kepada 2.6 juta TEU. Manakala kontena import dikendalikan sebanyak 19.3% daripada jumlah keseluruhan, meningkat sebanyak 0.3% kepada 2.6 juta TEU.

Jumlah kendalian kargo di Pelabuhan Klang mencatatkan penurunan sebanyak 9.0% kepada 221.4 juta fwt. Ia merangkumi 196 juta fwt kendalian kontena, 6.3 juta fwt kendalian pukal am, 10.6 juta fwt kendalian pukal kering dan 8.5 juta fwt pukal cecair. Pengendalian kargo pukal am berkurangan sebanyak 21.2% berbanding tahun lalu manakala pengendalian kargo pukal kering dan cecair masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0% dan 19.5%.

Jumlah kemasukan kapal ke Pelabuhan Klang menurun 6.6% pada tahun 2020 kepada 13,294 berbanding 14,234 pada tahun 2019. Jumlah kemasukan kapal kontena turun 2.7% kepada 10,214 berbanding 10,501 pada tahun 2019. Selain itu, peratusan jumlah kemasukan kapal pukal am menurun sebanyak 22.4%, manakala peratusan kapal pukal cecair dan kapal pukal kering masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 12.9% dan 2.6%. Industri kapal persiaran mengalami kesan yang agak teruk berikutan pandemik yang berlaku di mana penurunan sebanyak 45.3% dari segi jumlah kemasukan kapal.

Prestasi Port Klang Free Zone

PKFZ mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 10% kepada RM105 juta pada tahun 2020. Sehingga kini, dianggarkan sejumlah RM1.3 bilion telah dilaburkan di PKFZ oleh penyewa. Jumlah pengendalian kontena melalui terminal meningkat 22% kepada 480,913 TEU berbanding tahun lepas. Dari segi jumlah kendalian fwt, jumlah kargo meningkat sebanyak 25.6% kepada 4.51 juta fwt.

Pada 31 Disember 2020, seluruh tanah kosong seluas 640 ekar telah disewa sepenuhnya oleh 69 syarikat sementara 497 unit

industri ringan telah disewa oleh 104 syarikat. Sebidang tanah kosong seluas tujuh ekar disewakan kepada Swift Haulage Sdn Bhd untuk pembangunan pusat pengedaran serantau untuk import, eksport, pengangkutan, kemudahan pengedaran dan penyimpanan tempatan untuk alat perubatan dan barangan pengguna. Gudang seluas 175,000 kaki persegi akan menjadi teknologi hijau, kemudahan canggih yang akan dilengkapi dengan sistem mesra alam seperti tenaga suria dan pencahayaan serta ciri-ciri yang menjimatkan air, termasuk penggunaan semula air hujan.



Kajian Kebolehlaksanaan di Pelabuhan Pulau Carey

LPK sedang melakukan kajian terhadap cadangan kerajaan untuk membangunkan pelabuhan ketiga di Pulau Carey. Kajian ini dijangka selesai pada April 2021. Cadangan lokasi pelabuhan tersebut terletak di selatan terminal sedia ada, dan ia merupakan sebahagian dari pelan pengembangan masa hadapan untuk membangunkan Pelabuhan Klang menjadi pusat maritim serantau dan hab logistik kargo.

Westports: Pembinaan Kapasiti

Terminal kontena di Westports - CT1 hingga CT9 – dijangka akan mencapai 85% penggunaan pada tahun 2024. Untuk memastikan adanya kapasiti yang mencukupi bagi memenuhi permintaan dalam waktu terdekat, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek pembangunan Westports 2 yang akan melibatkan pembinaan tambahan 8 buah dermaga dengan panjang keseluruhan dermaga hampir lima kilometer. Ini akan meningkatkan kapasiti Westports sebanyak 13 juta TEU dan menjadikan keseluruhan kapasiti Pelabuhan Klang kepada 33 juta TEU menjelang 2045.

Pada tahun 2020, Westports telah melaksanakan pelbagai projek peningkatan infrastruktur yang bukan hanya untuk peningkatan kapasiti tetapi juga produktiviti. Ini termasuk pembinaan dermaga sebagai terminal LPG yang dijangka beroperasi pada 2021, pembinaan tapak baru seluas 100 ekar sebagai Pusat Logistik Westports untuk aktiviti pergudangan; serta lapangan kontena baru dengan 2,928 slot kontena dan 416 slot untuk kontena sejuk beku (reefer). Selain itu, penggunaan jentera pengendalian kargo juga dipertingkatkan dengan pembelian 12 kren dermaga, 40 traktor di terminal, 145 treler, dan 4 mesin jenis reach stackers.

Inisiatif hijau dan program pembangunan lestari Westports termasuklah melabur dalam sistem pemeteran kuasa digital yang menghubungkan 174 meter digital dengan 27 sub-stesen dan melarang penggunaan plastik sekali pakai (single-use) dalam kawasan pelabuhan. Satu kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan pada pemasangan panel solar di dua gudang untuk menjana tenaga bersih 9.5 MW atau hingga 12 juta kWh setiap tahun.

Northport: Pembangunan Infrastruktur



Northport kini sedang membangunkan projek NSDB 2 (Northport Distripark Sdn Bhd 2) yang akan berfungsi sebagai pusat pengedaran dan logistik. NSDB 2 merangkumi tiga gudang serbaguna dengan keluasan hampir 350,000 kaki persegi. Sejar dengan program penggunaan teknologi hijau, gudang tersebut akan dilengkapi dengan panel suria bagi membolehkan operasi yang cekap tenaga. Projek ini dijadualkan siap pada Mei 2021.

Northport juga melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan produktiviti seperti penggantian peralatan lama dengan yang baru termasuk pelupusan empat kren dermaga, 15 prime mover dan 15 treler dan pembelian 7 buah kren dermaga. Tiga buah high stackers diganti untuk meningkatkan operasi kontena di lapangan kontena kosong sementara enam high stackers baru ditambah sebagai jentera pengendali dan dua kren jenis grab dibeli untuk operasi kargo konvensional.

Selaras dengan Mandat Pelaksanaan Diesel Nasional (Kementerian Industri Utama) mengenai penggunaan wajib Biodiesel B7 untuk industri, Northport telah beralih untuk menggunakan bahan bakar diesel B7 yang lebih bersih dari jenis B0 berkuatkuasa 1 Julai 2020 untuk operasinya sendiri dan juga untuk peralatan berkuasa diesel oleh pihak kontraktor.

Digitalisasi Pelabuhan

PKA bekerjasama dengan MAMPU untuk menyusun Pelan Strategik ICT LPK bagi tempoh enam tahun 2020-2025. Pelan ini merangkumi empat teras iaitu aplikasi, infrastruktur, kapasiti dan tadbir urus. Sebanyak 79 program digitalisasi utama telah dikenal pasti untuk setiap teras, dengan 47 untuk aplikasi; 12 untuk infrastruktur; 13 untuk kapasiti; dan tujuh untuk tadbir urus.

Komponen utama rancangan ini adalah bagi mewujudkan satu platform komuniti Pelabuhan Klang dalam talian yang dikenali sebagai Sistem eCommunity (eCS) yang berfungsi sebagai penghubung penting antara LPK dan pemain industri pelabuhan dan logistik. Pelabuhan Klang eCS akan merangkumi modul untuk pendaftaran pengguna pelabuhan, pendaftaran kapal, penjana Nombor Panggilan Kapal, pelepasan kapal dan zon bebas serta perisytiharan dagangan berbahaya. Sistem dalaman LPK seperti ePass, eBunkering, eHotwork, sistem jeti persendirian dan ePANS akan disatukan ke dalam platform eCS sementara aplikasi mudah alih akan disediakan untuk akses yang lebih mudah ke sistem. ECS juga akan menampilkan perkongsian data serta integrasi sistem lain yang ada di pelabuhan.



Di Westports dan Northport, penerapan teknologi dan digitalisasi digunakan secara berterusan. Westports melaporkan kadar penggunaan portal digital oleh pelanggan telah mencapai 98%. Terminal ini akan terus meningkatkan atau memperkenalkan aplikasi baru secara berperingkat. Antaranya ialah sistem iTAP untuk pelanggan operasi konvensional; peningkatan eTerminalPlus kepada eTP 3.0 yang mempunyai ciri tambahan seperti papan pemuka (dashboard) yang direka khas serta modul operasi kapal layan diri, permintaan perkhidmatan khas dalam talian penuh, pembayaran dalam talian, penjana laporan serta bantuan "Berth on Arrival" (BOA) pada sebarang pertanyaan. Westports juga telah menyemak semula strategi tenaga kerja seperti kerja dengan kawalan jarak jauh dan amalan berdasarkan teknologi sebagai penyesuaian terhadap cabaran di kala pandemik.

Operations at the Port of Tanjung Bruas in Melaka was officially placed under the jurisdiction of the Port Klang Authority on 15 July 1983. The port, which was privatised in 1992, is currently managed by Tanjung Bruas Port Sdn Bhd (TBP) on a thirty-year concession.

As part of the re-branding of Tanjung Bruas as a multi-purpose port, its cargo-handling capacity is being increased through the expansion of existing facilities under a two-phase development plan.

The schedule of the development plan has been changed and approved by the Minister of Transport on 7 July 2020. The capital expenditure for the whole development project is maintained at the original RM160 million.

PRESTASI PELABUHAN / PORT PERFORMANCE

TBP mencatatkan penurunan hasil kargo sebanyak 16.9% kepada 819,146 fwt pada tahun 2020 berbanding 986,010 fwt pada tahun 2019.

Jumlah kendalian kargo am turun 23.7% daripada 521,076 fwt pada 2019, kepada 397,357 fwt. Jumlah kendalian pukal kering merosot 9.9% kepada 392,939 fwt berbanding 436,316 fwt yang dikendali pada tahun 2019, manakala pukal cecair mencatatkan pertumbuhan 0.8% kepada 28,850 fwt berbanding 28,618 dalam tahun 2019.

Penurunan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan kendalian kargo Palm Kernel Shell berikutan ketiadaan sumber bahan mentah ini dalam pasaran tempatan. Selain itu juga, kendalian kargo arang batu dan gypsum mengalami penurunan sebanyak 21,252 fwt berbanding tempoh yang sama tahun 2019.

Penurunan jumlah kargo am adalah disebabkan oleh pengurangan kendalian gegelung keluli yang merupakan komponen utama dari sektor kargo am kesan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan. Selain itu juga, permintaan eksport gegelung keluli juga berkurang daripada Indonesia, Filipina dan pembeli serantau yang lain.

Kargo pukal cecair merupakan satu-satunya kendalian yang mencatatkan jumlah peningkatan, walaupun hanya dengan kenaikan sebanyak 0.8%. Ini disebabkan oleh peningkatan pengendalian minyak pelincir pada suku ketiga tahun 2020.

Prestasi kendalian kontena di Pelabuhan Melaka berjumlah 14,142 TEU pada tahun 2020, merangkumi 7,174 TEU import dan 6,968 TEU eksport. Operasi pengendalian kontena yang dimulakan pada April 2019, dengan jumlah kendalian sepanjang April-Disember 2019 dicatatkan sebanyak 11,733 TEU.

Pada masa ini, operasi kontena pelabuhan hanya terdiri daripada penghantaran eksport oleh Xinyi Energy Glass yang terletak di kawasan perindustrian Jasin di Melaka. Secara keseluruhan, terdapat dua panggilan kapal sewa setiap bulan untuk menghantar kontena ke Pelabuhan Humen di China.

Jumlah persinggahan kapal pada tahun 2020 dicatatkan sebanyak 418, meningkat 22.2% dari tahun sebelumnya. Persinggahan oleh kapal konvensional turun 18.1% kepada 140 (2019: 171) sementara persinggahan kapal penumpang menurun 72.7% kepada hanya 9 buah kapal dengan kemerosotan jumlah pengunjung sebanyak 53.5% kepada 19,500 orang penumpang (2019: 33 panggilan, 41,980 penumpang) kerana kepada kesan pandemik COVID-19 terhadap industri pelancongan. Persinggahan kapal kontena pula dicatatkan sebanyak 16 singgahan dalam tahun 2020. (2019:14)

Operasi Ship To Ship (STS) pada Januari – Disember 2020 telah menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 104.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2019 dengan pertambahan sebanyak 127 buah kapal. Peningkatan ini adalah kesan daripada perpindahan kapal daripada Kuala Linggi ke lokasi STS dalam had Pelabuhan Melaka. Ianya disebabkan oleh peningkatan kos operasi yang dikenakan oleh Kuala Linggi untuk operasi STS kerana perubahan matawang asing dari USD ke EURO.

TBP recorded a 16.9% drop in cargo throughput to 819,146 fwt in 2020 compared with 986,010 fwt in 2019.

General cargo volume fell 23.7% from 521,076 fwt in 2019 to 397,357 fwt. Dry bulk volume dipped 9.9% to 436,316 fwt compared with 392,939 fwt handled in 2019 while liquid bulk cargo recorded a marginal growth of 0.8% to 28,850 fwt against 28,618 fwt in 2019.

The downturn in dry bulk throughput was due to a lack of supply of palm kernel shells in the local market as well as a decline of 21,252 fwt year-on-year in the handling of coal and gypsum.

The drop in general cargo volume was caused by the decline in the handling of steel coil - a major component of the general cargo sector - due to the impact of the Movement Control Order restrictions. This was exacerbated by lower demand from export markets like Indonesia, the Philippines and other regional buyers.

Bulk liquid cargo was the only sector to record an increase in volume, albeit with a rise of only 0.8%. This was attributed to the increased handling of lubricant oils in the third quarter of 2020.

Container throughput at Malacca Port totalled 14,142 TEU in 2020, comprising 7,174 TEU of imports and 6,968 TEU of exports. Container handling operations at the port started in April 2019, with total throughput within April-December 2019 totalling 11,733 TEU.

Currently, the port's container traffic is made up solely of export shipments by Xinyi Energy Glass which is located at Jasin Industrial area in Melaka. On average, there are two chartered vessel calls a month to ship the containers to Humen Port in China.

Melaka Port received 418 ship calls in 2020, an increase of 22.2% year-on-year. Calls by conventional vessels fell 18.1% to 140 (2019: 171) while calls by passenger vessels declined 72.7% to nine with a corresponding drop in passenger traffic of by 53.5% to 19,500 (2019: 33 calls, 41,980 passengers) due to the impact of the COVID-19 pandemic on the tourism industry. Sixteen container ship calls were recorded in 2020, as compared to 14 in 2019.

Calls by vessels engaged in ship-to-ship (STS) operations at Melaka Port increased by 127 or 104.1% in 2020 compared with 2019. These vessels, which were previously operating in Kuala Linggi, shifted their activities to Melaka Port waters due to the increased cost of operations which arose from the difference in the exchange rate between the US dollar and euro.



Fasa 1 (a) – Projek Naik Taraf Dermaga Sedia Ada / *Phase 1 (a) – Upgrading of Existing Wharf*

Kedua-dua bahagian hujung dermaga sediaada akan dilebarkan kepada 16 meter bagi membolehkan dermaga sedia ada digunakan sepenuhnya sepanjang 175 meter.

Dermaga ini juga akan ditambah sepanjang 50 meter lagi dan menjadikan keseluruhan panjang dermaga sedia ada kepada 225 meter. Kedudukan ini akan membolehkan kedua-dua bahagian dalaman dan luaran dermaga digunakan sepenuhnya.

Perbelanjaan Modal bagi pembangunan ini adalah sebanyak RM20 juta dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2021.

Both sides at the end of the existing wharf will be widened to 16 metres to enable utilisation of its entire length of 175 metres.

The wharf length will be increased by an additional 50 metres for a total length of 225 metres. With this extension, both the outer and inner berths of the wharf can be fully utilised.

The capital expenditure for this development is RM20 million, the completion of which is expected to be in the fourth quarter of 2021.



Fasa 1 (a) – Kemudahan Ro-ro / *Phase 1 (a) – Ro-ro Facility*

Pembangunan kemudahan RORO bagi kenderaan bermuatan kargo berserta kompleks CIQ akan dilaksanakan sebaik sahaja Kerajaan memberi kelulusan prosedur kawalan kenderaan.

Perbelanjaan Modal bagi pembangunan ini adalah sebanyak RM5 juta.

The development of a ro-ro facility for vehicle cargo as well as a CIQ complex will be launched once approval for vehicle control procedures is received from the government.

The capital expenditure for this project is RM5 million.



Fasa 1 (b) – Pembinaan Dermaga Baharu / *Phase 1 (b) – Construction of New Jetty*

Pembangunan dermaga baharu sepanjang 450 meter dengan kelebaran 50 meter dan kedalaman air diantara 16 – 18 meter. Jeti ini direkabentuk bagi membolehkan kren pelabuhan yang bersesuaian ditempatkan di atas dermaga.

Perbelanjaan Modal bagi pembangunan ini adalah sebanyak RM70 juta dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2023.

A new jetty 450m in length and 50m wide with draught alongside of 16 – 18 metres will be constructed under this phase. The jetty is designed to accommodate port cranes.

The capital expenditure for this development is RM70 million and completion of the project is expected to be in the fourth quarter of 2023.



Fasa 2 (a) – Tebusguna Tanah / *Phase 2 (a) – Land Reclamation*

Seluas 30 ekar akan di tebus guna di bawah fasa ini bagi pembangunan lapangan kontena dan keperluan pergudangan. Bahagian hadapan tanah yang ditebusguna akan dibangunkan sebagai dermaga pelabuhan untuk kapal bersaiz kecil dan sederhana.

Perbelanjaan Modal bagi pembangunan ini adalah sebanyak RM15 juta dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2023.

Thirty acres of land will be reclaimed under this phase for the development of a container yard and warehousing facilities. The frontage of the reclaimed land could be utilised to construct a wharf for small and medium size vessels.

The capital expenditure for this development is RM15 million and completion of the project is expected to be in the fourth quarter of 2023.



Fasa 2 (b) – Pembinaan Trestle / *Phase 2 (b) – Construction of Trestle*

Pembinaan jambatan sepanjang 170 meter dibina untuk menghubungkan kawasan penambakkan ke jeti dan pembangunan ini dijangka siap pada suku keempat tahun 2023.

A trestle 170m in length will be constructed to link the reclaimed area to the jetty. The project is expected to be completed in the fourth quarter of 2023.



Fasa 2 (c) – Pembinaan Dermaga Baharu / *Phase 2 (c) – Construction of New Wharf*

Pembinaan dermaga baru sepanjang 150 meter dengan kelebaran 50 meter akan dibangunkan pada fasa ini dan menjadikan jumlah keseluruhan dermaga sepanjang 600 meter. Pembangunan ini dijangka siap pada suku kedua tahun 2026. Perbelanjaan Modal bagi pembangunan Fasa 2 (b) dan (c) adalah sebanyak RM50 juta.

Selepas kerja-kerja pembinaan selesai, kemudahan TBP akan dilengkapi:

- Dermaga luar sepanjang 600 meter dengan kedalaman 18 meter.
- Dermaga dalam sepanjang 585 meter dengan kedalaman 16 meter.
- Dermaga luar jeti sediaada sepanjang 225 meter dengan kedalaman 10.5 meter.
- Dermaga dalam jeti sediaada dengan kedalaman air 9 meter.
- Kemudahan jeti RORO bagi kenderaan bermuatan kargo.

A jetty 150 metres in length and 50 metres wide will be constructed under this phase thereby providing a total of 600 metres in jetty length in the port. Construction is expected to be completed in the second quarter of 2026. The capital expenditure for Phase 2 (b) and (c) is RM50 million.

Upon completion of construction works, TBP will be equipped with:

- An outer berth 600 metres in length with 18 metres draught alongside
- An inner berth 585 metres in length with 16 metres draught alongside
- An outer berth 225 metres in length with 10.5 metres draught alongside at the existing jetty
- An inner berth with 9 metres draught alongside at the existing jetty
- Ro-ro jetty for vehicle cargo

JEMAAH LEMBAGA / BOARD OF DIRECTORS



1 DATUK KOH CHIN HAN
Pengerusi / *Chairman*

Dilantik / *Appointed*
18.04.2020

2 CAPT. K. SUBRAMANIAM
Pengurus Besar / *General Manager*

3 MOHD ASRI BIN
MOHAMED ALI
Wakil Kementerian Pengangkutan
Malaysia / *Representative of
Ministry of Transport Malaysia*

4 YB. SENATOR DATUK
LEE TIAN SING
Bebas / *Independent*

Dilantik / *Appointed*
09.07.2020

5 DATUK ROSLI BIN HASAN
Bebas / *Independent*

Dilantik / *Appointed*
09.07.2020

6 NGWE HEE SEM
Bebas / *Independent*

Dilantik / *Appointed*
09.07.2020

TIADA DALAM GAMBAR /
NOT IN PICTURE

NAZUHA BINTI ISA
Wakil Kementerian Kewangan
Malaysia / *Representative of
Ministry of Finance Malaysia*

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PELABUHAN MELAKA [JKA LPM] MALACCA PORT AUTHORITY AUDIT COMMITTEE

Bagi membantu Ahli Jemaah Lembaga dalam menyediakan laporan kajian serta menilai perkara-perkara berkaitan pengauditan. Jawatankuasa Audit Lembaga Pelabuhan Melaka (JKA LPM) telah ditubuhkan pada 2014 dan bertanggungjawab mengkaji rancangan pengauditan, polisi dan prosedur dalaman serta keberkesanan sistem kawalan dalaman selaras dengan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

JKA LPM dianggotai tiga (3) orang Ahli Jemaah Lembaga Pelabuhan Melaka. JKA LPM juga disertai oleh seorang (1) wakil dari Kementerian Pengangkutan Malaysia selain wakil Pengurusan LPM dan Jabatan Audit Dalam, LPM sebagai setiausaha/urus setia.

To assist the Board of Directors to report, review, and evaluate auditing matters. The Audit Committee (AC) was established in 2014 to review the audit plan, internal policies and procedures and effective internal control system in compliance with laws and regulations in accordance with the requirement of General Circular No. 3, 1998.

The Audit Committee consists of three Malacca Port Authority (MPA) members and a representative each from the Ministry of Transport Malaysia, MPA's management and Internal Audit Department which acts as secretary/secretariat.



SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA / COMMITTEE MEMBERSHIP LIST



PENGERUSI / CHAIRMAN

MOHD ASRI BIN MOHAMED ALI
Ahli Jemaah Lembaga LPM
Board of Director, MPA

Dilantik / Appointed
18.11.2020



AHLI / MEMBER

YB. SENATOR DATUK LEE TIAN SING
Ahli Jemaah Lembaga LPM
Board of Director, MPA

Dilantik / Appointed
18.11.2020

NAZUHA BINTI ISA
Ahli Jemaah Lembaga LPM
Board of Director, MPA

Dilantik / Appointed
18.11.2020



WAKIL KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA / REPRESENTATIVE OF MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA

SAIFUL ANUAR BIN MOHD JAAFAR
Ketua Unit
Unit Audit Dalam
Head of Internal Audit Unit

Dilantik / Appointed
18.11.2020



WAKIL PENGURUSAN LPM / MPA MANAGEMENT REPRESENTATIVE

Pengurus Besar, LPM / Wakil
General Manager, MPA / Representative



SETIAUSAHA / SECRETARY

Pengurus (Audit), LPM
Manager (Internal Audit), MPA



URUS SETIA / SECRETARIAT

Jabatan Audit Dalam, LPM
Internal Audit Department, MPA

PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PELABUHAN MELAKA

FINANCIAL STATEMENTS MPA



91

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

95

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PELABUHAN MELAKA

96

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI
LEMBAGA PENGARAH

97

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

98

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

99

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

100

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

101

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
PADA 31 DISEMBER 2020

102

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pelabuhan Melaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)*. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pelabuhan Melaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan


Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pelabuhan Melaka.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pelabuhan Melaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Melaka telah melaporkan asas-asas urusan dan peristiwa-peristiwa yang memberi gambaran saksama.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan isu teknologi maklumat berkaitan dengan sistem perakaunan dan kewangan yang diguna pakai seperti yang dibangkitkan dalam Surat Pengurusan. Lembaga Pelabuhan Melaka disarankan untuk mempertingkatkan kawalan kualiti bagi memastikan penyata kewangan adalah tepat dan betul. Isu kawalan dalaman perlu diambil tindakan untuk mengurangkan risiko fraud dan salah nyata.
- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)* dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(SELWAH BINTI HAJI SAID)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
26 JULAI 2021




LEMBAGA PELABUHAN MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

LEMBAGA PELABUHAN MELAKA

Saya, **Adnan Bin Abidin**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PELABUHAN MELAKA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **PELABUHAN KLANG**)
pada **16 JUL 2021**)



.....

Di hadapan saya,




.....
PESURUHJAYA SUMPAAH



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **Datuk Koh Chin Han** dan **Kapten Subramaniam a/l Karupiah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PELABUHAN MELAKA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA PELABUHAN MELAKA** pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....

NAMA : DATUK KOH CHIN HAN

GELARAN : Pengerusi

TARIKH : **16 JUL 2021**

TEMPAT : **PELABUHAN KLANG**

Bagi pihak Lembaga,



.....

NAMA : KAPTEN SUBRAMANIAM
A/L KARUPPIAH

GELARAN : Ahli

TARIKH : **16 JUL 2021**

TEMPAT : **PELABUHAN KLANG**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
ASET SEMASA			
Penghutang perniagaan	4	626,866	887,685
Pelbagai penghutang	5	30,265	93,324
Pendapatan terakru	6	218,833	723,787
Simpanan tetap di bank berlesen	7	38,200,000	37,700,000
Tunai dan kesetaraan tunai	8	1,927,564	594,483
Prabayar Cukai		611,295	611,295
JUMLAH ASET SEMASA		41,614,823	40,610,574
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah dan peralatan	9	189,771	75,212
Pelaburan lain	10	13,039,556	12,486,003
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		13,229,327	12,561,215
JUMLAH ASET		54,844,150	53,171,789
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	11	220,846	324,842
Peruntukan percukaian		71,160	71,160
JUMLAH LIABILITI SEMASA		292,006	396,002
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Cukai Tertunda	12	14,734	14,734
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		14,734	14,734
JUMLAH LIABILITI		306,740	410,736
ASET BERSIH		54,537,410	52,761,053
DIBIAYAI OLEH:			
LEBIHAN TERKUMPUL		54,537,410	52,761,053

Nota-nota di muka 102 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
HASIL			
Urusniaga Pertukaran	13	<u>3,792,837</u>	<u>4,286,605</u>
JUMLAH HASIL		<u>3,792,837</u>	<u>4,286,605</u>
BELANJA			
Belanja pentadbiran	14	1,299,329	1,105,248
Belanja operasi	15	99,210	119,934
Susutnilai		<u>62,932</u>	<u>29,295</u>
JUMLAH BELANJA		<u>1,461,471</u>	<u>1,254,477</u>
LEBIHAN BAGI TAHUN		2,331,366	3,032,128
PERCUKAIAN	16	(555,009)	(1,169,620)
LEBIHAN SELEPAS CUKAI		<u>1,776,357</u>	<u>1,862,508</u>

Nota-nota di muka 102 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Lebih Terkumpul RM
Pada 1 Januari 2019	50,898,545
Lebih selepas cukai tahun semasa	1,862,508
Pada 31 Disember 2019	<u>52,761,053</u>
Pada 1 Januari 2020	52,761,053
Lebih selepas cukai tahun semasa	1,776,357
Pada 31 Disember 2020	<u>54,537,410</u>

¹ Nota-nota di muka 102 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	2020	2019
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Terimaan tunai daripada pelanggan	2,409,351	2,535,519
Bayaran tunai kepada pembekal dan pekerja	<u>(1,502,535)</u>	<u>(936,900)</u>
Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi	906,816	1,598,619
Cukai dibayar	(555,009)	(2,164,590)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	<u>351,807</u>	<u>(565,971)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Simpanan/Pengeluaran deposit bank	(1,053,553)	(1,087,639)
Pembelian aset tetap	(177,491)	-
Pendapatan Pelaburan	<u>2,212,318</u>	<u>2,050,676</u>
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	<u>981,274</u>	<u>963,037</u>
Lebihan tunai dan kesetaraan tunai bersih	1,333,081	397,066
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	<u>594,483</u>	<u>197,417</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	<u>1,927,564</u>	<u>594,483</u>
Terdiri daripada:-		
Tunai di tangan dan bank	127,564	94,483
Simpanan tetap di bank berlesen	<u>1,800,000</u>	<u>500,000</u>
	<u>1,927,564</u>	<u>594,483</u>

Nota-nota di muka 102 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

PADA 31 DISEMBER 2020

	2020 RM (Sebenar)	2020 RM (Bajet)	2020 RM (Varian)
HASIL			
Sewaan dan pajakan	1,998,246	1,809,100	189,146
Pelaburan	1,707,364	1,600,000	107,364
Lain-lain hasil	87,227	110,000	(22,773)
JUMLAH HASIL	3,792,837	3,519,100	273,737
BELANJA			
Belanja pentadbiran	1,299,329	1,564,000	(264,671)
Belanja operasi	99,210	350,000	(250,790)
Susutnilai	62,932	29,295	33,637
JUMLAH BELANJA	1,461,471	1,943,295	(481,824)
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI	2,331,366	1,575,805	755,561

Nota-nota di muka 102 hingga 113 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

1. MAKLUMAT AM

Pelabuhan Melaka pada asalnya telah ditubuhkan pada 1978 sebagai suatu “pelabuhan” di bawah Seksyen 5 *Merchant Shipping Ordinance*, 1952. Pada tahun 1983, pentadbiran Pelabuhan Melaka telah dipindahkan kepada Lembaga Pelabuhan Kelang melalui *Kelang Port Authority (Extension of Functions to Port of Malacca) Order 1983* [P.U (A) 282/1983]. Di bawah Perintah 1983 tersebut, fungsi, kuasa, peranan dan bidangkuasa Lembaga Pelabuhan Kelang telah diperluaskan ke Pelabuhan Melaka berkuatkuasa mulai 15 Julai 1983.

Lembaga Pelabuhan Melaka adalah satu agensi badan berkanun yang beralamat di Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.

Aktiviti-aktiviti utama Lembaga Pelabuhan Melaka adalah menyelia dan menyediakan kemudahan-kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan di Pelabuhan Melaka.

Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Lembaga dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM

2. TARIKH KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 16 Julai 2021.

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan peruntukan-peruntukan dibawah Akta Pelabuhan, 1963, dan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

LPM telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti dinyatakan pada nota 3.16 kepada Penyata Kewangan. Tarikh peralihan kepada MPSAS adalah pada 1 Januari 2016.

3.2 HARTANAH DAN PERALATAN; DAN SUSUTNILAI

3.2.1 Hartanah dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM5,000.00 dan ke atas. Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai bagi hartanah dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna aset.

3.2.2 Susutnilai dikira secara tahunan mulai tahun pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun pelupusan.

3.2.3 Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Berdasarkan jangkamasa pajakan
Dermaga dan jeti	35
Kenderaan, Komputer dan Peralatan Mekanikal	5

3.3 ROSOTNILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Lembaga akan meneliti nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang boleh diperolehi daripada aset tersebut. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang tertinggi di antara harga jualan bersih dan nilai digunapakai, di mana ianya dikira dengan merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan.

Kerugian rosotnilai diiktiraf ke Penyata Prestasi Kewangan serta merta, melainkan sekiranya aset tersebut dinyatakan dalam amaun penilaian semula. Sebarang kerugian rosotnilai bagi aset yang telah dinilai semula diiktiraf sebagai kurangan penilaian semula sehingga tahap lebihan penilaian semula aset yang sama yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula kerugian rosotnilai diiktiraf tahun terdahulu direkodkan bila terdapat petunjuk yang kerugian rosotnilai yang diiktiraf untuk aset tidak lagi wujud ataupun telah berkurangan.

3.4 PELABURAN

Pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukkan disediakan bagi rosot nilai tetap dimana yang perlu. Pulangan dan kerugian dalam pelaburan akan dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun berkenaan.

3.5 PERBELANJAAN TERTUNDA

Tiada perbelanjaan tertunda untuk tempoh berakhir 31 Disember 2020.

3.6 PENGHUTANG PERNIAGAAN DAN PELBAGAI PENGHUTANG

Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang dinyatakan pada nilai boleh realis. Hutang lapuk yang diketahui dihapuskan dan peruntukan tertentu disediakan untuk semua hutang yang mana kutipannya diragui berdasarkan ulasan ke atas semua baki amaun pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

3.7 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

3.8 PERUNTUKAN LIABILITI

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila organisasi mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai mata wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan berdasarkan anggaran yang munasabah dari jumlah obligasi.

3.9 MANFAAT KAKITANGAN

Tiada manfaat kakitangan bagi Lembaga oleh kerana tiada pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas secara tetap.

Pada 15 Julai 1983, fungsi, tanggungjawab serta bidangkuasa Lembaga Pelabuhan Kelang telah diperluas ke Pelabuhan Melaka dan digayakan (styled) sebagai Lembaga Pelabuhan Melaka.

Melalui perluasan fungsi, tanggungjawab serta bidangkuasa ini pegawai dari Lembaga Pelabuhan Kelang turut melaksanakan tugas bagi pihak Lembaga Pelabuhan Melaka.

3.10 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Sumber pendapatan Lembaga Pelabuhan Melaka adalah terdiri daripada kutipan dius pelabuhan, pajakan tanah kepada pengendali pelabuhan, hasil pajakan tanah daripada pemajak kecil, pelaburan tunai, perlesenan, faedah bank dan hasil daripada pendapatan labuh tunggu kapal.

Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut :

- i) Hasil Operasi
Hasil sewa dan pajakan diiktiraf secara akruan.
Pendapatan operasi diiktiraf secara akruan.
- ii) Hasil Bukan Operasi
Hasil daripada faedah pelaburan diiktiraf secara akruan.
Hasil dividen diiktiraf apabila dividen diterima.
- iii) Lain – Lain Hasil
Pendapatan perlesenan diiktiraf secara akruan.
Pendapatan faedah bank diiktiraf apabila faedah diterima.
Pendapatan faedah simpanan tetap diiktiraf secara akruan.

3.11 CUKAI

Perbelanjaan cukai ke atas keuntungan bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan tertunda.

Perbelanjaan cukai yang dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan merupakan pengiraan pada kadar cukai semasa atas keuntungan untuk sepanjang tahun.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara amaun dibawa aset dan liabiliti dan asas cukai mereka pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf atas perbezaan sementara yang timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau cukai keuntungan.

3.11 CUKAI (SAMBUNGAN)

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka digunakan pada tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan. Amaun dibawa aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan dikurangkan kepada tahap yang ia bertanggungjawab bahawa keuntungan boleh cukai masa depan yang mencukupi akan disediakan.

Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus dalam ekuiti. Apabila cukai tertunda timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, ia termasuk di dalam muhibah yang terhasil atau muhibah negatif.

3.12 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai, baki di bank dan simpanan tetap di bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tiga (3) bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan selepas ditolak overdraf bank.

3.13 PELABURAN LAIN

Merupakan pelaburan yang dilaksanakan oleh Lembaga Pelabuhan Melaka dengan Amanah Raya Berhad yang mana tempoh pelaburan adalah lebih dari satu (1) tahun.

3.14 INSTRUMEN KEWANGAN

3.14.1 *Objektif dan polisi risiko pengurusan kewangan*

Dasar pengurusan risiko kewangan Lembaga bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan perniagaan Lembaga dan menguruskan risiko kredit, kadar faedah, tukaran asing dan kecairan. Lembaga beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dasar Lembaga adalah untuk tidak melibatkan Lembaga dalam urusanniaga spekulatif.

3.14.2 *Risiko kredit*

Risiko kredit, atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan had dan pengawasan yang ketat. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan kepada Pengurusan Lembaga.

3.14.3 *Risiko kadar faedah*

Lembaga tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah pada 31 Disember 2020. Pelaburan Lembaga, kebanyakannya adalah untuk jangka masa pendek dan tidak dipegang untuk tujuan spekulatif tetapi dimasukkan dalam simpanan tetap atau kadangkala, dalam kertas komersial jangka pendek yang menghasilkan pulangan yang lebih baik daripada tunai di bank.

3.14 INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)**3.14.4 Risiko tukaran asing**

Lembaga beroperasi hanya di Malaysia dan dengan itu tidak terdedah kepada risiko tukaran asing.

3.14.5 Risiko kecairan dan aliran tunai

Lembaga mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

3.14.6 Nilai saksama**3.14.6.1 Tunai dan kesetaraan tunai, pemiutang/penghutang**

Amaun yang dibawa adalah hampir dengan nilai saksama oleh sebab tempoh matang jangka pendek instrumen kewangan ini.

3.15 MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan berdasarkan asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan secara berasingan.

3.16 PEMAKAIAN AWAL PIAWIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)

Lembaga telah menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) seperti yang dinyatakan lebih awal dari tarikh kuatkuasa sebenar.

MPSAS 1	-	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	-	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	-	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 17	-	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 22	-	Nota kepada Maklumat Kewangan
MPSAS 24	-	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	-	Manfaat Kakitangan
MPSAS 33	-	Pemakaian Awal Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

4. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	2020	2019
	RM	RM
Penghutang Sewa	585,108	751,972
Penghutang dari Operasi Pelabuhan	41,758	135,713
	<u>626,866</u>	<u>887,685</u>

5. PELBAGAI PENGHUTANG

	2020	2019
	RM	RM
Deposit Pelbagai	29,000	54,604
Lembaga Pelabuhan Kelang	-	8,499
Penghutang Pelbagai	1,265	30,221
	<u>30,265</u>	<u>93,324</u>

6. PENDAPATAN TERAKRU

Pendapatan terakru merupakan faedah terakru daripada deposit di institusi kewangan dan bank- bank berlesen.

	2020	2019
	RM	RM
Faedah Terakru dari Pelaburan Lain	4,114	3,949
Faedah Terakru dari Simpanan Tetap	214,719	719,838
	<u>218,833</u>	<u>723,787</u>

7. SIMPANAN TETAP DI BANK BERLESEN

Kadar faedah (setahun) efektif tertinggi dan terendah serta purata kematangan bagi simpanan deposit bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2020	2019
Kadar faedah (%)	2.00 hingga 3.35	3.37 hingga 4.15
Purata kematangan (bulan)	3 hingga 12	3 hingga 12

7. SIMPANAN TETAP DI BANK BERLESEN (SAMBUNGAN)

	2020	2019
	RM	RM
Bank Rakyat	9,300,000	5,300,000
Bank Pembangunan Malaysia	18,900,000	22,400,000
Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad	10,000,000	10,000,000
	<u>38,200,000</u>	<u>37,700,000</u>

8. TUNAI DAN KESERATAAN TUNAI

	2020	2019
	RM	RM
Tunai di tangan dan bank	127,564	94,483
Simpanan tetap yang mempunyai tempoh kematangan tidak melebihi 3 bulan	1,800,000	500,000
	<u>1,927,564</u>	<u>594,483</u>

9. HARTANAH DAN PERALATAN

2020	Kenderaan RM	Tanah Pajakan RM	Dermaga & Jeti RM	Peralatan Komputer RM	Jumlah RM
<u>KOS</u>					
Pada 1 Januari 2020	218,946	30,047	66,700	-	315,693
Tambahan	139,000	-	-	38,491	177,491
Pelupusan	(83,298)	-	-	-	(83,298)
Pada 31 Disember 2020	274,648	30,047	66,700	38,491	409,886
<u>SUSUTNILAI TERKUMPUL</u>					
Pada 1 Januari 2020	164,684	9,098	66,699	-	240,481
Pelupusan	(83,298)	-	-	-	(83,298)
Susutnilai dalam tahun	54,931	303	-	7,698	62,932
Pada 31 Disember 2020	136,317	9,401	66,699	7,698	220,115
NILAI BUKU BERSIH	138,331	20,646	1	30,793	189,771
2019	Kenderaan RM	Tanah Pajakan RM	Dermaga & Jeti RM	Peralatan Komputer RM	Jumlah RM
<u>KOS</u>					
Pada 1 Januari 2019	218,946	30,047	66,700	-	315,693
Pada 31 Disember 2019	218,946	30,047	66,700	-	315,693
<u>SUSUTNILAI TERKUMPUL</u>					
Pada 1 Januari 2019	137,555	8,795	64,836	-	211,186
Susutnilai dalam tahun	27,129	303	1,863	-	29,295
Pada 31 Disember 2019	164,684	9,098	66,699	-	240,481
NILAI BUKU BERSIH	54,262	20,949	1	-	75,212

10. PELABURAN LAIN

Merupakan simpanan dengan Amanah Raya Berhad.

	2020	2019
	RM	RM
Amanah Raya Berhad	13,039,556	12,486,003
	<u>13,039,556</u>	<u>12,486,003</u>

Kadar faedah (setahun) efektif tertinggi dan terendah serta purata kematangan bagi simpanan deposit bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2020	2019
Kadar faedah (%)	4.00 hingga 4.53	4.00 hingga 4.54
Purata kematangan (hari)	1095	1095

11. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2020	2019
	RM	RM
Pemiutang Pelbagai	191,230	301,122
Peruntukan Yuran Audit	11,584	5,688
Deposit Sewa dan Pajakan	18,032	18,032
	<u>220,846</u>	<u>324,842</u>

12. CUKAI TERTUNDA

	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	14,734	643
Pindahan daripada Penyata Prestasi Kewangan - Nota 16	-	14,091
Baki pada 31 Disember	<u>14,734</u>	<u>14,734</u>

13. URUSNIAGA PERTUKARAN

	2020	2019
	RM	RM
Sewa dan Pajak dari Pelbagai Syarikat		
Tg. Bruas Port Sdn Bhd - Pajak Tanah	1,491,600	1,371,603
Tg. Bruas Port Sdn Bhd - Pajak Tambahan	506,646	673,510
Pelaburan	1,707,364	2,085,847
Lesen Operasi Pelabuhan	11,507	100,000
Lesen Perkhidmatan Pelbagai	20,500	11,500
Hasil Pelbagai	55,220	44,145
	<u>3,792,837</u>	<u>4,286,605</u>

14. BELANJA PENTADBIRAN

	2020	2019
	RM	RM
Bayaran Ex-Gratia	296,698	267,205
Elaun Lembaga Pengarah	274,190	144,171
Yuran Pengurusan kepada Lembaga Pelabuhan Kelang	350,021	343,629
Belanja Pengurusan	378,420	350,243
	<u>1,299,329</u>	<u>1,105,248</u>

15. BELANJA OPERASI

	2020	2019
	RM	RM
Lain - Lain Belanja Operasi	99,210	119,934
	<u>99,210</u>	<u>119,934</u>

16. PERCUKAIAN

	2020	2019
	RM	RM
Perbelanjaan Cukai		
Tahun Semasa	555,009	802,512
Kurangan Peruntukan Tahun Lepas	-	353,017
Cukai Tertunda - Nota 12	-	14,091
Baki pada 31 Disember	<u>555,009</u>	<u>1,169,620</u>
	2020	2019
	RM	RM
Lebihan Sebelum Percukaian	<u>2,331,366</u>	<u>3,032,128</u>
Percukaian pada Kadar 24% (2019 : 24%)	559,528	727,711
Perbelanjaan Tidak Dibenarkan	-	79,601
Elaun Modal Dituntut	-	(4,800)
Kurangan Peruntukan Tahun Lepas	(4,519)	353,017
Cukai Tertunda - Nota 12	-	14,091
	<u>555,009</u>	<u>1,169,620</u>

17. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Lembaga Pelabuhan Melaka mempunyai Jemaah Lembaga yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jemaah Lembaga menerima elaun seperti berikut:

	2020	2019
	RM	RM
Elaun Lembaga Pengarah	274,190	144,171
Bilangan Jemaah Lembaga Pengarah	<u>7</u>	<u>4</u>

18. PERKARA PENTING YANG BERLAKU SELEPAS TEMPOH PELAPORAN

Berdasarkan MPSAS 14, peristiwa selepas pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku di antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan disahkan untuk penerbitan. Antara dua jenis peristiwa yang boleh dikenalpasti adalah peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan) dan peristiwa yang menunjukkan keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa tidak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan).

18. PERKARA PENTING YANG BERLAKU SELEPAS TEMPOH PELAPORAN (SAMBUNGAN)

Pada 1 Januari 2021, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri Selangor berikutan pandemik Corona Virus (Covid-19). Namun mulai 13 Januari 2021 sehingga 4 Mac 2021, Negeri Selangor dan beberapa negeri di Malaysia telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini bagaimanapun adalah peristiwa tidak perlu pelarasan selepas selepas tarikh pelaporan Lembaga Pelabuhan Melaka kerana ia tidak memberi sebarang kesan terhadap angka yang telah dilaporkan sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.



PORT KLANG AUTHORITY

Mail Bag Service 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Port Klang,
Selangor, Malaysia.

Tel: +603-3168 8211
Fax: +603-3168 8228

www.pka.gov.my